

22 AUG 2003

Bernas-VSS

KAKITANGAN BERNAS DIGESA JANGAN TERIMA VSS

KOTA BAHARU, 22 Ogos (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) Semenanjung menggesa 3,196 kakitangan syarikat itu agar menolak tawaran Skim Pemberhentian Sukarela (VSS).

Yang Dipertua kesatuan itu, Mansor Ariffin berkata langkah Bernas untuk mengurangkan kakitangan sebagai salah satu proses penstrukturan semula syarikat adalah tidak adil sebab syarikat masih memperolehi keuntungan.

"Isu penyeludupan tidak boleh dijadikan alasan untuk mengurangkan kakitangan kerana kegiatan itu bukan perkara baru," katanya kepada pemberita pada majlis perjumpaan kesatuan itu dengan kakitangan Bernas Kelantan di sini, hari ini.

Mansor berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Kabinet pada Rabu lepas yang meluluskan cadangan Bernas untuk menawarkan VSS kepada kakitangan terbabit sebagai salah satu proses penstrukturan semula syarikat berkenaan.

Menteri Pertanian Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi berkata pada prinsipnya Kabinet bersetuju dengan skim berkenaan kerana ia tidak melibatkan sebarang paksaan terhadap kakitangan.

Mansor berkata kegiatan penyeludupan sudah lama berlaku sebelum kewujudan Bernas iaitu semasa era Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) tetapi pada masa itu tiada pekerja yang dibuang.

Beliau berkata mereka yang menyertai LPN berharap untuk bekerja sehingga bersara namun apabila LPN diswastakan ada kalangan mereka yang belum mencapai separuh umur persaraan terpaksa berhenti kerja.

Mansor berkata jika tawaran itu diterima, sebahagian daripada kakitangan terbabit akan menghadapi pelbagai kesulitan dalam mencari pekerjaan baru bagi menyara keluarga masing-masing.

Sehingga kini tiada formula yang jelas mengenai VSS yang ditawarkan itu, katanya.

Beliau berkata pihaknya akan menyerahkan memorandum berhubung perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh terdekat.

-- BERNAMA

WM BD PR